

# **WALKATHON DAN MALAM ANEKARAGAM MAWILUD 1 SEMPENA MESYUARAT PEMERINTAHAN PANGWILUD 1**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2573-walkathon-dan-malam-anekaragam-mawilud-1-sempena-mesyuarat-pemerintahan-pangwilud-1](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2573-walkathon-dan-malam-anekaragam-mawilud-1-sempena-mesyuarat-pemerintahan-pangwilud-1)

SUBANG, 13 Okt 17 – MAWILUD 1 telah mengadakan aktiviti gilang gemilang iaitu Walkathon dan Malam Anekaragam MAWILUD 1 sempena mesyuarat pemerintahan PANGWILUD 1 .

Acara Walkathon berlangsung dengan meriah melibatkan penyertaan seramai 500 orang peserta yang bermula di padang kawad PU Subang. Acara dimeriahkan lagi dengan kehadiran Panglima MPPLU, Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM yang turut serta dalam Walkathon tersebut.

Acara diteruskan lagi pada sebelah malam iaitu malam Aneka Ragam yang berlangsung di Dewan Ababil PU Subang, pelbagai acara telah diatur untuk memeriahkan program tersebut iaitu pertunjukan montage yang disediakan oleh MAWILUD 1, persembahan dari pangkalan-pangkalan udara bawah naungan, dan majlis penyampaian hadiah bagi pemenang acara Walkathon yang disempurnakan oleh PANGWILUD 1, Mej Jen Dato' Hj Mohd Faudzi bin Hj Ahmad TUDM.



